

**KESEDIAAN DAN PENGARUH TERHADAP
PENYESUAIAN DIRI KANAK-KANAK TAHUN
SATU (1) DI SEKOLAH LUAR BANDAR DAN
BANDAR**



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SATURIA BINTI AMIRUDDIN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2017

**KESEDIAAN DAN PENGARUH TERHADAP
PENYESUAIAN DIRI KANAK-KANAK TAHUN
SATU (1) DI SEKOLAH LUAR BANDAR DAN
BANDAR**

SATURIA BINTI AMIRUDDIN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DIHANTAR UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **KESEDIAAN DAN PENGARUH TERHADAP PENYESUAIAN DIRI KANAK-KANAK TAHUN SATU (1) DI SEKOLAH LUAR BANDAR DAN BANDAR**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI (PSIKOLOGI)**

Saya **SATURIA BINTI AMIRUDDIN**, sesi **2012- 2017** mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat –syarat kegunaan seperti berikut ;

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




SATURIA BINTI AMIRUDDIN
MP1221011T


NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Disahkan Oleh,



(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Peter Voo Sui Kiong)
Penyelia




(Agnis Sombuling)
Penyelia Bersama

Tarikh : 25 Ogos 2017

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 OKTOBER 2017



Satoria Binti Amiruddin

MP1221011T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SATURIA BINTI AMIRUDDIN**

NO. MATRIK : **MP1221011T**

TAJUK : **KESEDIAAN DAN PENGARUH TERHADAP
PENYESUAIAN DIRI KANAK-KANAK TAHUN
SATU (1) DI SEKOLAH LUAR BANDAR DAN
BANDAR**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI (PSIKOLOGI)**

TARIKH VIVA : **7 JUN 2017**



DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

Dr. Peter Voo Sui Kiong

2. PENYELIA BERSAMA


Agnis Sombuling

Tandatangan

PENGHARGAAN

Bimillahirrahmanirrahim... bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan tesis ini. Usaha untuk menghasilkan tesis ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan daripada banyak pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Peter Voo Sui Kiong dan Cik Agnis Sombuling , yang telah banyak membimbing saya dalam penulisan tesis sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya dan keluarga yang banyak memberi sokongan dan memahami perjalanan saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak di lupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan shazilaniza, nurul ain dan kelvin serta rakan lain yang banyak membantu dalam penghasilan penulisan ini hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian. Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini yang mungkin tidak sebut satu persatu tetapi jasa kalian semua tetap saya ingat sampai bila-bila. Terima kasih.

Saturia binti Amiruddin,
2 Oktober 2016



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat tahap kesediaan ke sekolah kanak-kanak yang memasuki tahun satu daripada aspek psikologi iaitu kognitif, fizikal dan sosio-emosi dan pengaruhnya terhadap penyesuaian kanak-kanak di sekolah. Seramai 86 kanak-kanak yang baru memasuki tahun satu di daerah Tawau dipilih sebagai subjek kajian dan 43 orang kanak-kanak mewakili kawasan bandar dan 43 mewakili kawasan luar bandar. Selain itu, latar belakang prasekolah kanak-kanak juga di kaji dari aspek kesediaan ke sekolah. Kajian berbentuk tinjauan dan soal selidik ini menggunakan alat kajian *Nijmeegse schoolbekwaamheids test (NST)* untuk mengukur kesediaan ke sekolah dan *The Survey of Early School Adjustment Difficulty* untuk melihat penyesuaian kanak-kanak di sekolah. Analisis deskriptif, ujian-t dan regresi mudah dan regresi berganda digunakan dalam kajian ini. Hasil keputusan ujian menunjukkan hampir keseluruhan kanak-kanak telah bersedia untuk memasuki tahun satu. Manakala hasil ujian t-test menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesediaan kanak-kanak ke sekolah bagi kawasan bandar dan luar bandar. Namun apabila dikaji dari 3 aspek kesediaan hanya satu pembolehubah yang menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu kematangan kognitif bagi kanak-kanak bandar dan luar bandar. Selain itu, hasil dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan kesediaan ke sekolah dan kematangan kognitif dengan latar belakang prasekolah kanak-kanak. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kematangan fizikal dan sosio-emosi terhadap kesediaan ke sekolah kanak-kanak. Melalui ujian regresi pula menunjukkan kematangan kognitif menunjukkan satu hubungan linear yang signifikan. Justeru itu, dapatan ini menjelaskan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kematangan kognitif yang baik dalam kesediaan ke sekolah menentukan penyesuaian di sekolah yang baik berbanding dengan aspek yang lain seperti kematangan fizikal dan sosio-emosi.

Kata Kunci : Kesediaan Ke Sekolah, Penyesuaian Di Sekolah, *NST*.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF READINESS AND SCHOOL ADJUSTMENT TO YEAR ONE (1) IN RURAL AND URBAN SCHOOL

The main objective of the study was to identify the school readiness amongst children entering primary school in term of psychological aspects such as cognitive, physical and socio-emotional and its effect on school adjustment. This study employed quantitative in which data were collected using survey and observation to young children. Survey was administered to 86 children from four schools in Tawau, Sabah in which 43 of them represent an urban areas and the other 43 represents a rural area. Instruments used were Nijmeegse Schoolbekwaamheids Test (NST) that examines aspects needed to support children readiness, and The Survey of Early School Adjustment Difficulty that measure school adjustment among children participated in the study. Statistical analyses such as descriptive analysis, t-test, simple regression and multiple regressions were used to analyse the data. The results show most of the participants were ready to being in school. In addition, the result of t-test showed no significant difference on the level of school readiness of children for urban and rural areas. However, when examined based on the three aspects of readiness, this study found that only cognitive maturity shows significant differences among children for urban and rural areas. The finding also shows that there were significant differences in school readiness and cognitive maturity based on the background of experienced preschool. Further, there was no significant difference between physical maturity and socio-emotional development of school readiness among children. The multiple regression tests show a significant linear relationship for cognitive maturity. Given this, it demonstrated that children who have a high level of cognitive maturity in school readiness determine the level of school adjustment than other aspects such as physical maturity and socio-emotional.

Key words: *School Readiness, School Adjustment, NST.*

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	18
1.5 Hipotesis Kajian	19
1.6 Objektif Kajian	22
1.7 Kepentingan Kajian	23
1.8 Kesimpulan	24



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2: TEORI & SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	25
2.2 Pendekatan Teori	25
2.2.1 Rasional Teori	26
2.2.2 Teori Kematangan	28
2.2.3 Teori Ekologi	32
2.3 Sorotan Kajian Lepas	37
2.3.1 Kesediaan ke Sekolah	37
2.3.2 Penyesuaian di Sekolah	41
2.4 Definisi Konsep	45
2.5 Kesimpulan	52

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	53
3.2 Reka bentuk Kajian	53
3.3 Lokasi Kajian	54
3.4 Sampel Kajian	55
3.5 Tatacara Kajian	59
3.6 Alat kajian	61
3.7 Maklumat Latarbelakang Subjek	61
3.8 Pembolehubah Tidak Bersandar	63

3.9 Pembolehubah Bersandar	64
3.10 Kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian	64
3.11 Reliabiliti alat kajian	65
3.12 Analisis Data	67
3.13 Kesimpulan	70

BAB 4: KEPUTUSAN

4.1 Pendahuluan	71
4.2 Deskriptif profail keluarga dan sampel kajian	71
4.3 Analisis Deskriptif NST	74
4.4 Statistik Inferens	83
4.5 Pra Ujian Data	84
4.6 Menguji Hipotesis	84
4.7 Analisis Data	85
4.8 Ringkasan Kekerapan N.S.T	96
4.9 Ringkasan Keputusan	97

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan	99
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	100
5.3 Rumusan kajian	118
5.4 Implikasi Kajian	119
5.5 Limitasi Kajian	122



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

5.6 Saranan Kajian	123
5.7 Kesimpulan Kajian	124
RUJUKAN	125
LAMPIRAN	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Teori Ekologi Bronfenbrenner	31
Rajah 2.2 Kerangka model kajian	42
Rajah 4.1 Profil pengamatan bentuk dan keupayaan membezakan	72
Rajah 4.2 Motor Halus	73
Rajah 4.3 Pergertian mengenai ukuran	74
Rajah 4.4 Ketajaman Pengamatan/pemerhatian	75
Rajah 4.5 Pengamatan Kritis	76
Rajah 4.6 kosentrasi/tumpuan	77
Rajah 4.7 Daya ingatan	78
Rajah 4.8 Pengertian Objek Dan Penilaian Terhadap Situasi	79
Rajah 4.9 Memahami Cerita	80
Rajah 4.10 Gambar Orang	81



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Pengagihan soal selidik	55
Jadual 3.2 Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Prasekolah Daerah Tawau	56
Jadual 3.3 Sinopsis Pemarkahan Subtest N.S.T	60
Jadual 3.4 Nilai koefisien alpha bagi soal selidik kajian	64
Jadual 3.5 Ringkasan Jenis Analisis	66
Jadual 4.1 Status pekerjaan ibu bapa subjek	70
Jadual 4.2 Etnik subjek	71
Jadual 4.3 Ujian Normaliti	82
Jadual 4.4 Analisis T-Test tahap kesediaan ke sekolah kanak-kanak berdasarkan tempat tinggal	83
Jadual 4.5 Analisis T-Test tahap kematangan kognitif kanak-kanak berdasarkan tempat tinggal	84
Jadual 4.6 Analisis T-Test tahap kematangan fizikal kanak-kanak berdasarkan tempat tinggal	85
Jadual 4.7 Tahap kematangan sosio-emosi kanak-kanak berdasarkan tempat tinggal	86
Jadual 4.8 Analisis T-Test tahap kesediaan ke sekolah kanak-kanak mengikut latar belakang sekolah	87
Jadual 4.9 Analisis T-Test tahap kematangan kognitif ke sekolah kanak-kanak mengikut latar belakang sekolah	88
Jadual 4.10 Analisis t-test tahap kematangan fizikal kanak-kanak mengikut latar belakang sekolah.	89
Jadual 4.11 Analisis t-test tahap kematangan sosio-emosi kanak-kanak mengikut latar belakang sekolah.	90
Jadual 4.12 Analisis regresi mudah pengaruh kesediaan kanak-kanak mempengaruhi penyesuaian kanak-kanak di sekolah.	91
Jadual 4.13 Analisis Regresi Berganda untuk H4a, H4b, H4C	92
Jadual 4.14 Ringkasan Kekerapan Kesediaan Ke Sekolah	94
Jadual 4.15 Ringkasan keputusan bagi hipotesis kajian	95

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam menjayakan dasar pendidikan negara, banyak perkara yang perlu di titikberatkan. Selain daripada memantapkan pendidikan tinggi di tahap universiti, pendidikan tahap sekolah menengah, sekolah rendah malah prasekolah juga menyumbang kepada kejayaan negara dan rakyat umumnya dalam menyumbang idea dan tenaga untuk kejayaan pada masa akan datang kerana kejayaan pada hari ini adalah bermula daripada langkah pertama pendidikan itu sendiri. Pendidikan awal kanak-kanak merupakan peringkat pembelajaran yang paling penting dalam proses pendidikan. Di Malaysia tahap umur 5 dan 6 tahun merupakan tahap umur bagi kanak-kanak memasuki alam persekolah. Menurut portal Kementerian Pelajaran Malaysia syarat kemasukan murid ke kelas prasekolah adalah kanak-kanak yang telah mencapai umur lima tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan pertama. Syarat kelayakan bagi kanak-kanak warganegara Malaysia di tentukan melalui umur dan juga keutamaan pemilihan berasaskan kepada merit pendapatan ibu bapa mahupun penjaga di bawah garis kemiskinan pendapatan perkapita keluarga dari rendah ke tinggi (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Pendidikan prasekolah di Malaysia pula dikendalikan oleh pelbagai pihak sama ada dari sektor kerajaan mahupun swasta. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) secara berperingkat telah memperkenalkan kelas prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan pada tahun 1992 yang dikenali sebagai Prasekolah Annex. Agensi lain yang terlibat ialah KEMAS iaitu di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat (JKM), badan-badan NGO dan juga pihak swasta yang pada umumnya mempunyai matlamat

pendidikan prasekolah yang sama untuk meningkatkan tahap akademik masyarakat Malaysia seawal kanak-kanak (Surayah Zaidon, 2004). Namun, tidak semua ibu bapa yang mempunyai kemampuan untuk menghantar anak-anak mereka ke prasekolah, tadika dan sebagainya. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai pilihan selain menghantar anak mereka terus menduduki sekolah formal iaitu tahun 1. Selain itu, prasekolah bukan merupakan syarat wajib bagi kanak-kanak untuk memasuki tahun 1 yang menyebabkan ibu bapa tidak memberi perhatian kepada pendidikan awal kanak-kanak (Nur Halimah dan Fajar Kawuryan, 2010). Mariani Md Nor (2006) menyatakan bahawa program pendidikan prasekolah yang sesuai untuk kanak-kanak yang berumur di antara empat hingga enam tahun dapat menggerakkan pemikiran, meningkatkan kreativiti dan membina akhlak yang baik, pembangunan minda, penyuburan fizikal, pengukuhan kestabilan emosi dan persediaan untuk hidup bermasyarakat kelak. Oleh itu, ibu bapa seharusnya sedar akan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak.

Setiap kanak-kanak di Malaysia mahupun seluruh dunia mempunyai hak untuk mendapat pendidikan. Undang-undang Malaysia menetapkan setiap ibu bapa warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan mempunyai anak yang telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama tahun persekolahan semasa, wajib untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah rendah dan seterusnya menjadi murid di sekolah rendah di sepanjang tempoh pendidikan rendah (Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012). Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak mereka mendapat hak yang sewajarnya. Memetik ucapan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada ucapan pembukaan Persidangan ECEC Antarabangsa Malaysia yang bertemakan "MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERMULA DENGAN KANAK-KANAK" pada 14 April 2009 bahawa pendidikan adalah hak bagi setiap kanak-kanak tanpa mengira apa jua latar belakang mereka. Masa depan negara, dan manusia secara keseluruhan boleh diubah kepada yang lebih baik, jika kita bermula pada kedudukan yang betul. Selain itu, jika kita mulakan dengan menanamkan nilai-nilai yang betul dan sifat-sifat yang baik dan memupuk mereka dengan sumber kasih sayang kita boleh membina hari esok yang lebih baik dengan meletakkan asas yang betul pada hari ini. Oleh itu, masyarakat khususnya ibu bapa

perlu menitikberatkan aspek perkembangan holistik kanak-kanak yang pada asasnya akan membentuk pendidikan yang baik buat kanak-kanak pada masa akan datang.

Proses pemilihan kemasukan murid seperti yang kita ketahui adalah berdasarkan prasyarat umur kanak-kanak dan di Malaysia penentuan kesediaan ke sekolah tidak menjadi titik utama dalam pemilihan kanak-kanak untuk memasuki sekolah. Kebanyakan ibu bapa mengambil langkah untuk memasukkan anak-anak ke sekolah kerana tuntutan umur tetapi tidak melihat kepada keupayaan mereka mahupun kesediaan mereka untuk menerima proses pembelajaran dan bagaimana nanti perubahan persekitaran yang baru terhadap penyesuaian kanak-kanak di sekolah. Seperti orang dewasa, kanak-kanak juga memerlukan masa untuk bersedia melalui proses perubahan dalam hidup mereka dan persekitaran yang baru seperti kawan baru, guru baru, masa pembelajaran yang lebih formal dan persekitaran dalam bilik darjah akan mendorong mereka untuk belajar mengadaptasi persekitaran yang baru menggunakan pengawalan diri masing-masing (Ladd, 1990). Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak dalam proses pembelajaran mereka di samping menyediakan keperluan pendidikan kanak-kanak itu sendiri. Sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, ibu bapa seharusnya telah memberi pendedahan awal dan membantu perkembangan mereka di rumah bagi memudahkan proses penyesuaian pada masa akan datang. Bukan hanya meletakkan tanggungjawab kepada guru-guru bagi membantu perkembangan kanak-kanak tetapi ibu bapa seharusnya peka terhadap perkembangan kanak-kanak sebelum memasuki sekolah.

Kesediaan ke sekolah adalah penting bagi kanak-kanak sebelum mereka menjejaskan kaki ke tahun 1. Ini kerana, bagi memudahkan proses penyesuaian kanak-kanak di sekolah ibu bapa seharusnya membantu kanak-kanak dengan menyokong kematangan kanak-kanak agar kesediaan ke sekolah dapat di kuasai dengan baik. Kesediaan atau kematangan kanak-kanak ialah bila mana kanak-kanak telah bersedia untuk menggunakan seluruh perkembangan dalam mempelajari sesuatu yang baru dalam persekitaran baru. Kematangan menurut Gesell (1949) merupakan faktor yang utama yang akan menentukan proses pembelajaran.

Perkembangan bagi tingkah laku, pertumbuhan organ dan tisu dalam badan serta fungsi-fungsi anggota badan berkembang mengikut pola dan urutan yang terancang. Oleh yang demikian, tingkah laku kanak-kanak boleh diramal mengikut tahap kematangan kanak-kanak. Oleh kerana Gesell mempercayai kematangan menjadi faktor utama dalam proses pembelajaran. Ini bererti Gesell mementingkan baka sebagai penggerak utama terhadap perkembangan kanak-kanak. Faktor-faktor persekitaran dan kebudayaan pula hanya bertindak sebagai pengaruh sekunder yang dapat mengubahsuai kemajuan perkembangan seseorang. Oleh itu adalah penting untuk kanak-kanak mempunyai tahap kematangan yang baik agar tahap kesediaan ke sekolah dapat dikuasai sebelum memasuki tahun 1 sekaligus memudahkan proses penyesuaian kanak-kanak di sekolah.

Walaupun secara umumnya sekolah merupakan tempat proses pembelajaran dan perkembangan murid berlaku namun pendedahan awal untuk memasuki sekolah merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian bagi memudahkan proses pembelajaran dan penyesuaian di sekolah lebih efektif. Ini kerana kanak-kanak secara semula jadi akan mempersiapkan diri mereka untuk ke alam persekolahan dengan bantuan keluarga dan persekitaran kanak-kanak. Menurut Maxwell, Bryant, Ridley dan Keyes-Elstein (2001) kanak-kanak mempunyai lima domain kesediaan sekolah iaitu perkembangan kesihatan dan fizikal, perkembangan sosio-emosi, pendekatan pembelajaran, bahasa dan kebolehan komunikasi, kognitif, dan juga pengetahuan am. Secara realitinya sekolah adalah merupakan tempat untuk kanak-kanak mahupun individu itu belajar bagi membantu perkembangan kanak-kanak dari segi akademik dan juga perkembangan yang lain seperti kognitif, sosial, emosi, bahasa dan fizikal. Namun, ibu bapa perlu sedar bahawa sekolah pertama kanak-kanak adalah persekitaran rumah itu sendiri. Pembelajaran pertama yang mereka akan perolehi adalah melalui persekitaran yang paling dekat dengan mereka. Oleh itu, pendekatan awal oleh ibu bapa dalam membantu kanak-kanak merangsang perkembangan mereka adalah sangat penting untuk persediaan mereka sebelum memasuki alam persekolahan agar guru-guru tidak terbeban dengan masalah-masalah yang tidak di ingini. Selain itu, persediaan awal mahupun kematangan yang baik akan membantu proses pembelajaran sekurang-kurangnya kanak-kanak telah

bersedia untuk menerima pendidikan baru dan menyesuaikan diri mereka untuk meneroka persekitaran yang baru.

Selain itu, persekitaran amat penting kepada perkembangan kanak-kanak. Sering kita dengar sekolah di kawasan luar bandar seringkali terpinggir dari segi pendidikan malah kesedaran bagi meningkatkan tahap pendidikan mereka juga agak ketinggalan. Oleh itu, adalah penting kepada semua pendidik bersama untuk membantu memberi kesedaran kepada ibu bapa khususnya dalam menyediakan persekitaran yang baik bagi membantu perkembangan kanak-kanak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian untuk mengenalpasti kesediaan kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan dan pengaruhnya terhadap penyesuaian kanak-kanak di sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak yang akan memulakan alam persekolahan formal yang pertama iaitu kanak-kanak yang berumur tujuh tahun yang telah memasuki tahun 1 di sekitar kawasan daerah Tawau. Selain meneroka apakah yang dimaksudkan dengan kesediaan ke sekolah kajian ini juga melihat bagaimana penyesuaian kanak-kanak pada persekitaran sekolah tahun 1 daripada tinjauan guru terhadap tingkah laku mereka. Pemilihan sampel dilakukan berdasarkan umur kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan berdasarkan syarat kelayakan umur kanak-kanak di Malaysia. Secara rasionalnya, pemilihan sampel ini adalah bersesuaian kerana mengikut kesesuaian umur bagi memasukan kanak-kanak ke alam persekolahan formal.

Menurut portal Kementerian Pelajaran Malaysia (2006), kanak-kanak selalunya akan memulakan pendidikan sekolah rendah ketika berumur tujuh tahun dan pendidikan sekolah rendah merupakan kesinambungan daripada pendidikan prasekolah. Namun, terdapat sedikit kelonggaran permohonan syarat yang membolehkan kemasukan awal kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun untuk memasuki tahun 1 berbanding tahun persekolahan wajib yang sepatutnya. Kelonggaran syarat hanya diberikan kepada kanak-kanak yang dilahirkan pada tarikh

2 hingga 15 Januari, telah mengikuti kelas tadika dan memenuhi kriteria yang ditetapkan melalui proses temuduga dan ujian. Namun, bagi syarat kelayakan biasa pemilihan murid adalah berdasarkan kelayakan umur dan juga berasaskan merit pendapatan ibu dan bapa. Di Malaysia, tidak terdapat ujian kesediaan ke sekolah yang perlu kanak-kanak ambil sebelum memasuki alam persekolahan. Oleh itu, pengetahuan mengenai kesediaan ke sekolah kanak-kanak hendaklah diberi perhatian oleh pihak sekolah dan ibu bapa bagi memberi pemahaman dan pengetahuan mengenai kepentingan untuk memenuhi kesediaan ke sekolah kanak-kanak sebelum menghantar mereka memasuki alam persekolahan.

Masalah pencapaian murid sekolah sering kali dibincangkan oleh pihak berkuasa. Saban hari banyak pembaharuan yang dibuat untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian murid dalam bidang akademik. Selain itu, pelbagai program telah dibangunkan untuk mencapai kemajuan kanak-kanak, ibu bapa, program penjagaan kanak-kanak dan masyarakat umum (Pressly, 2001). Walaupun banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan, sekolah, ibu bapa serta guru-guru untuk meningkatkan pencapaian akademik mahupun mengurangkan masalah pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia khususnya. Namun, masalah-masalah kemerosotan akademik masih tidak boleh di bendung seratus peratus. Guru-guru yang berkualiti dan persekitaran sekolah yang efektif sahaja tidak cukup untuk menentukan kejayaan seseorang individu malah ianya memerlukan satu kajian yang lebih mendalam untuk mengurangkan masalah tersebut. Punca masalah hendaklah di kaji dari akar umbinya dan di teliti semula. Ini termasuklah kesediaan ke sekolah bagi murid-murid dari peringkat pendidikan awal.

Sekolah merupakan tempat berpengaruh untuk membentuk perkembangan manusia. Kanak-kanak yang dapat menyesuaikan diri ke alam persekolahan adalah lebih cenderung untuk berjaya berbanding kanak-kanak yang mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah (Belsky dan MacKinnon 1994; Keinig, 2000). Menurut laporan *NSW Parenting Centre* Pra sekolah dan tadika kian mendapat sambutan samaada usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf pendidikan yang bermula dari akar umbi iaitu bagi peringkat prasekolah mahupun badan-badan

swasta untuk bersaing dalam bidang pendidikan. Memasukkan anak-anak ke tempat penjagaan mahupun taska merupakan salah satu alternatif yang baik untuk memantapkan lagi persediaan kanak-kanak ke sekolah. Walaupun pada peringkat taska mahupun pusat penjagaan tidak terlalu menitikberatkan aspek akademik secara formal dan lebih kepada permainan dalam pembelajaran namun, ianya adalah satu langkah yang baik dalam mengembangkan perkembangan psikologi kanak-kanak selain di rumah. Kanak-kanak juga akan terdedah dalam suasana persekitaran yang ramai, lebih berdisiplin dan berdikari yang amat di perlukan untuk menyokong perkembangan mereka. Selain itu, kanak-kanak secara tidak langsung akan membentuk kawalan emosi yang baik dalam pergaulan dengan rakan serta dapat berkongsi alat permainan yang merupakan salah satu aspek siasah diri yang perlu ada dalam diri manusia.

Selain itu, kajian ini juga melihat perbezaan kesediaan ke sekolah kanak-kanak mengikut latar belakang tempat tinggal. Menurut teori Vygotsky peranan persekitaran penting dalam mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak. Selain itu, Gesell (1949) juga menyatakan bahawa perkembangan manusia adalah dipengaruhi oleh faktor kematangan dan faktor persekitaran individu. Tidak dapat di nafikan faktor persekitaran adalah penting dalam perkembangan manusia dan demografi juga menunjukkan pengaruh perkembangan kemahiran kanak-kanak dari masa ke masa (McWayne et. al. 2004). Keadaan tempat tinggal kanak-kanak secara langsung akan memberi kesan terhadap perkembangan mereka. Oleh itu, bagi melihat adakah terdapat perbezaan kesediaan ke sekolah kanak-kanak dalam aspek persekitaran pengkaji memfokuskan perbezaan kesediaan ke sekolah kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar.

Alam persekolahan pertama merupakan peralihan individu yang pertama dalam kehidupan mereka. Walaupun peralihan ke sekolah boleh menjadi saat yang mengembirakan namun mungkin boleh membawa kepada kebimbangan. Ini kerana kanak-kanak mungkin mengalami kesukaran untuk menerima rakan baru, guru baru dan persekitaran baru. Kanak-kanak akan mengalami peralihan persekitaran daripada keadaan biasa ke dalam situasi baru yang tidak di kenali sebagai contoh

daripada rumah ke prasekolah atau tadika, sekolah rendah, sekolah menengah atau mempunyai ciri-ciri perubahan, ketegangan dan ketidaktentuan (Cowan, Cowan, Shulz dan Henning, 1994; Dockett dan Perry, 1999; Fabian, 2000), oleh itu untuk mencapai penyesuaian dalam persekitaran baru seperti sekolah kanak-kanak hendaklah bersedia dari pelbagai aspek untuk menerima alam persekitaran sekolah yang baru dan menyesuaikan diri dengan baik.

Perubahan dan persekitaran yang baru akan melatih kanak-kanak untuk menyesuaikan diri pada persekitaran baru. Mereka akan berhadapan dengan persekitaran yang baru, kelas yang baru, sekolah baru, pembelajaran yang baru, rakan baru dan juga cabaran akademik yang baru. Oleh itu, persekitaran baru ini akan mencabar kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dan mengaplikasikan perasaan mereka untuk menjadi seorang kanak-kanak yang berjaya kelak. Dolman et.al. (2007) yang dipetik dari Nursuhaila Baharuddin (2010) mendapati bahawa tanpa kemahiran sosial yang baik tahap pencapaian di sekolah akan berada dalam keadaan bahaya. Ibu bapa dan guru sering kali mengharapkan sesuatu perkembangan yang aktif agar mereka dapat menerima arahan dan pembelajaran dengan baik serta dapat bersosial dengan baik terhadap persekitaran di sekolah mereka. Oleh itu, satu kajian hendaklah di jalankan bagi menilai kesediaan kesekolah kanak-kanak dan bagaimana kesediaan ke sekolah mempengaruhi penyesuaian di sekolah dalam konteks persekitaran sekolah di Malaysia khususnya di sekitar daerah Tawau.

Gesell (1949) percaya bahawa corak perkembangan manusia adalah di kawal oleh faktor kematangan, ini bermakna selagi otak, tisu, saraf serta anggota badan yang lain tidak bersedia maka pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran kepada kanak-kanak adalah sia-sia. Justeru itu, kanak-kanak haruslah di beri ruang dan masa untuk membentuk diri mereka agar mereka bersedia menerima pembelajaran dan menyesuaikan diri dalam persekitaran baru dengan bantuan orang di sekelilingnya sekaligus ianya dapat memudahkan proses pembelajaran di dalam kelas dan penyesuaian di sekolah. Sayers et.al. (2012) menyatakan peralihan kanak-kanak ke sekolah mempunyai implikasi kepada proses pembelajaran dan

perkembangan pada masa akan datang dan ini adalah penting untuk ibu bapa dan guru melihat kematangan kanak-kanak sebelum menghantar ke sekolah.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam meningkatkan taraf pendidikan rakyat Malaysia sejajar dengan rancangan Malaysia ke-10. Pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan (MOE) mula melaksanakan program prasekolah sebagai projek perintis berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Kabinet pada 18 Disember 1991 untuk mewujudkan 1,131 kelas prasekolah. Sementara itu, mesyuarat Kabinet pada 6 Jun 2001 bersetuju bahawa MOE boleh terus mengembangkan program prasekolah daripada tahun 2002. Sejak itu, perkembangan program prasekolah telah giat dijalankan dari masa ke semasa selaras dengan dasar-dasar yang sedia ada, Pendidikan Nasional kawasan hasil utama dan juga perkembangan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Selain daripada itu, banyak tadika KEMAS dan tadika swasta bersaing yang dengan tujuan yang sama iaitu untuk meningkatkan tahap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Sejalan dengan permintaan yang tinggi untuk meningkatkan kualiti dan prestasi murid dalam peringkat kebangsaan, isu persediaan ke sekolah dan pra-pembacaan kini meningkat kepentingannya (Murphey dan Burns, 2002). Perkembangan kanak-kanak pada peringkat prasekolah merupakan tahap kritikal yang memerlukan pengawasan dan sokongan daripada orang disekililing mereka seperti yang di terangkan dalam *The zone of proximal development (ZPD) Vygotsky* yang menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui persekitaran dan mereka memerlukan bimbingan oleh orang dewasa untuk membantu pembelajaran mereka. Bukan sahaja bagi perkembangan dari segi pendidikan formal, malah perkembangan personaliti dan hubungan sosial juga menjadi penentu kepada keberkesanan pembelajaran yang mereka akan tempuhi. Walaupun begitu, tidak ramai ibu bapa yang mampu untuk menghantar anak mereka ke prasekolah kerana bayaran dan yuran yang agak tinggi bagi sesetengah prasekolah, tadika mahupun tadika swasta yang lain dan memilih untuk menghantar anak mereka terus ke sekolah rendah. Kajian yang dijalankan oleh Alexandar dan Entwisle 1988 : Lewit dan Baker, 1995 :

Luster dan McAdoo, 1996 menunjukkan bahawa masalah di sekolah telah bermula seawal daripada prasekolah dan sekolah rendah dalam (Piotrkowski, Botsko dan Matthews, 2000) oleh itu, untuk menangani masalah ini semua pihak perlu melihat dan mengkaji mengenai kesediaan ke sekolah dari pelbagai aspek bermula dari peringkat awal kanak-kanak sebelum memasuki tahun 1.

Pada tahun 2004, terdapat lebih 115,000 (7.7%) daripada murid-murid di sekolah rendah yang masih belum menguasai kemahiran 3M (KPM 2006). kesediaan ke sekolah yang lemah telah menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah di sekolah dan ini juga menyebabkan murid-murid sekolah rendah dikatakan tidak mempunyai penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Oleh itu, persediaan sebelum memasuki sekolah adalah sangat penting untuk di kuasai oleh kanak-kanak sebelum mereka mengalami peralihan ke sekolah. Terdapat pelbagai masalah dan kebimbangan boleh di kurangkan jika kanak-kanak mempunyai persediaan yang baik sebelum memasuki alam persekolahan. Ibu bapa khususnya perlu mengetahui keperluan kanak-kanak agar dapat menyokong perkembangan mereka dengan baik. Semakin bersedia kanak-kanak itu, semakin kurang kejutan yang mereka akan hadapi dalam persekolahan dan ini akan melancarkan penyesuaian kanak-kanak di sekolah. Oleh itu, kesediaan ke sekolah adalah penting untuk kanak-kanak bagi memulakan kehidupan baru dalam alam persekolahan. Menurut Lewit dan Baker (2003) persediaan yang baik juga akan menyediakan peluang bagi kanak-kanak, membuka minda dan merangsang penglibatan aktif kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Kanak-kanak yang tidak mempunyai kesediaan pula akan menghadkan pilihan dan pemikiran mereka serta banyak bergantung kepada guru sahaja.

Walaupun pendidikan awal kanak-kanak telah di perkenalkan namun tidak semua masyarakat yang tahu dan mempunyai kesedaran untuk menghantar anak mereka ke prasekolah selain memilih untuk menunggu sehingga kanak-kanak itu masuk ke tahun 1. Mengikut statistik 2007 daripada laman Web Kementerian Malaysia Pendidikan, populasi kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun adalah seramai 3,116,200 orang. Daripada jumlah ini hanya 10% atau seramai 300,000